

PERATURAN PERMAINAN WUSHU

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan ini akan dijalankan berdasarkan kepada: -

1.1.1 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

1.1.2 Wushu Taolu Competition & Judging Methods (Excerpt) 2019 by International Wushu Federation (IWUF).

1.1.3 Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, peraturan 'Bahasa Inggeris' harus diguna pakai. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal adalah muktamad.

1.2 Kelayakan

1.2.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara Yang Dipertandingkan

2.1.1 Hanya acara 'Taolu' sahaja yang dipertandingkan di dalam pertandingan ini.

2.1.2 Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut: -

BIL	KATEGORI LELAKI	BIL	KATEGORI WANITA
1.	Changquan	1.	Changquan
2.	Daoshu + Gunshu	2.	Daoshu + Gunshu
3.	Jianshu + Qiangshu	3.	Jianshu + Qiangshu
4.	Nanquan	4.	Nanquan
5.	Nandao + Nangun	5.	Nandao + Nangun
6.	Taijiquan	6.	Taijiquan
7.	Taijijian	7.	Taijijian
8.	Chuantongquan (Tradisional Quan)	8.	Chuantongquan (Tradisional Quan)
9.	Chuantongqixie (Senjata Tradisional)	9.	Chuantongqixie (Senjata Tradisional)

- 2.1.3 Setiap pasukan dibenarkan menyertai 12 (6 lelaki dan 6 wanita) atlet 'Taolu' (maksimum Dua (2) atlet bagi setiap acara 'Taolu').
- 2.1.4 Setiap atlet dibenarkan menyertai 1 atau 2 acara.
- 2.1.5 Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut: -

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	6	6	4	16

2.2 Format Pertandingan

- 2.2.1 Hanya acara individu sahaja yang dipertandingkan.
- 2.2.2 Kecuali dinyatakan sebaliknya didalam peraturan ini, pertandingan ini akan dijalankan selaras dengan edisi 2019 'Peraturan IWUF untuk Pertandingan Wushu Taolu Antarabangsa' dan menggunakan Kaedah Pemarkahan Kesukaran Tiada Darjah (yang terdiri daripada Kumpulan A – Markah Pergerakan yang Berkualiti & Kumpulan B – Pencapaian Prestasi secara Keseluruhan sahaja).
- 2.2.3 Semua rutin dibenarkan sekiranya atlet mematuhi kandungan teknik wajib dan menepati masa bagi setiap acara. Dengan itu, atlet mesti mempersembahkan sekurang-kurangnya **TIGA** set kesukaran (termasuk kesukaran sambungan) dalam acara berikut: Changquan, Daoshu, Jianshu, Gunshu, Qiangshu, Nanquan, Nandao, Nangun, Taijiquan, Taijijian). **0.2** akan ditolak bagi setiap set kesukaran yang kurang bagi setiap acara tersebut.
- 2.2.4 Had Masa
- 2.2.4.1 Bagi acara Changquan, Daoshu, Gunshu, Jianshu, Qiangshu, Nanquan, Nangun & Nandao, tempoh masa setiap rutin tidak kurang dari satu (1) minit dua puluh (20) saat (1m 20 saat).
- 2.2.4.2 Bagi acara Taijiquan dan Taijijian, tempoh masa setiap rutin adalah antara tiga (3) hingga empat (4) minit (3 - 4 minit).

2.2.4.3 Bagi acara Chuantongquan (Tradisional Quan) dan Chuantongqixie (Senjata Tradisional), setiap tempoh rutin adalah empat puluh (40) saat sehingga satu (1) minit tiga puluh (30) saat (40 saat - 1m 30 saat).

2.2.5 Muzik Pertandingan

2.2.5.1 Bagi acara Taijiquan dan Taijijian, setiap persembahan atlet wajib diiringi dengan muzik. Adalah menjadi tanggung jawab atlet sendiri untuk menyediakan muzik tersebut.

2.2.5.2 **0.5** akan ditolak sekiranya persembahan tidak diiringi muzik atau muzik yang bervokal/berlirik.

2.2.6 Juri Rayuan mempunyai kuasa mutlak untuk penafsiran peraturan ini.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Atlet hendaklah memakai pakaian pertandingan wushu yang mengikut peraturan untuk semua acara. Adalah menjadi tanggungjawab atlet sendiri untuk menyediakan pakaian tersebut.

3.2 Semua senjata perlu mematuhi syarat yang ditetapkan didalam peraturan. Adalah menjadi tanggung jawab atlet sendiri untuk menyediakan senjata tersebut.

4. HADIAH DAN SIJIL

4.1 Rujuk Perkara 6 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Penentuan hadiah dan kedudukan bagi semua acara 'Taolu' adalah seperti berikut: -

4.2.1. Kedudukan 1 – 3: Sekiranya 4 pasukan atau lebih yang mengambil bahagian.

4.2.2. Kedudukan 1 – 2: Sekiranya 3 pasukan yang mengambil bahagian.

4.2.3. Kedudukan 1 sahaja: Sekiranya 2 pasukan yang mengambil bahagian.

4.3 Tiada kedudukan atau hadiah akan diberikan jika hanya 1 pasukan yang mengambil bahagian dalam acara tersebut.

- 4.4 Hadiah dan Sijil akan disediakan oleh pengelola untuk pemenang-pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga sahaja atau mengikut tawaran pingat setiap permainan.
- 4.5 Sijil Penyertaan akan disediakan oleh pengelola dan akan diberi kepada semua peserta.
- 4.6 Jumlah pingat yang ditawarkan: -

Acara / Kategori	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Kategori Lelaki						
Changquan	1	1	1	1	1	1
Daoshu + Gunshu	1	1	1	1	1	1
Jianshu + Qiangshu	1	1	1	1	1	1
Nanquan	1	1	1	1	1	1
Nandao + Nangun	1	1	1	1	1	1
Taijiquan	1	1	1	1	1	1
Taijijian	1	1	1	1	1	1
Chuantongquan (Tradisional Quan)	1	1	1	1	1	1
Chuantongqixie (Senjata Tradisional)	1	1	1	1	1	1
Kategori Wanita						
Changquan	1	1	1	1	1	1
Daoshu + Gunshu	1	1	1	1	1	1
Jianshu + Qiangshu	1	1	1	1	1	1
Nanquan	1	1	1	1	1	1
Nangun + Nandao	1	1	1	1	1	1
Taijiquan	1	1	1	1	1	1
Taijijian	1	1	1	1	1	1
Chuantongquan (Tradisional Quan)	1	1	1	1	1	1
Chuantongqixie (Senjata Tradisional)	1	1	1	1	1	1
TOTAL	18	18	18	18	18	18